

Mahathir: Kita tidak mampu ganggu pelajaran

KEGIATAN menyelenggarakan para pelajar dan kakitangan akademik dari mencapai matlamat pelajaran dan penyelidikan, boleh menghalang pembangunan negara.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad menjelaskan, Malaysia sebagai negara membangun, tidak mampu mengalami sebarang kakacauan terhadap rancangan pelajarannya.

Menurut beliau, universiti-universiti di negara-negara maju berupaya mengadakan temasya dan pesta, tapi universiti di negara ini masih mengamalkan tradisi lama; mengajar dan menyelidik.

Dr. Mahathir memberitahu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menentukan kekurangan buku-buku teks dapat diatasi.

Mengenai kemajuan pendidikan di negara ini beliau berkata, peruntukan 24 peratus dari Belanjawan Kerajaan untuk pelajaran menjadi matlamat utama ke arah cita-cita pembangunan.

Merasmii

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Agung Kesepuluh Persatuan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Asia Tenggara (ASAIHL) dan Seminar Penerbitan Ilmiah di Institut Tadbiran Negara (INTAN), Petaling Jaya pagi tadi.

Kerajaan, tambah beliau, telah mengusahakan kerja-kerja men-

terjemah dan penulisan buku-buku teks di samping menjalankan penerbitan sendiri.

Beliau berkata, Kementerianya menyokong usaha universiti-universiti di rantau Asia Tenggara yang semakin giat menjalankan penerbitan ilmiah.

Menurut beliau, fakulti-fakulti Sains dan Undang-Undang Universiti Malaya telah menerima peruntukan \$35,000 untuk memajukan penerbitan journal-journal ilmiah masing-masing.

Menteri Pelajaran menambah, jika bertambah banyak fakulti bercadang menerbitkan journal ilmiah, bantuan kewangan akan dapat diberikan.

Bermutu

Beliau percaya, menerusi skim tersebut penerbitan ilmiah usaha fakulti-fakulti semakin bermutu dan bertaraf antarabangsa.

Dr. Mahathir memberitahu, Pentadbiran Universiti Malaya menerusi percetakan universitinya akan melaksanakan perkara memajukan penerbitan journal tersebut.

Beliau berharap, siri-siri journal ilmiah universiti itu akan mula terbit tahun depan.

Menurut beliau, persidangan itu harus memperkukuh kerjasama serantau menerusi para penerbit dan pengarang serta menyediakan keperluan-keperluan asas bagi memperkemas usaha penerbitan di rantau ini.

Terdahulu dari itu,

K. LUMPUR, Khamis

Presiden ASAIHL, Prof. Ungku Aziz berkata, cara positif bagi mengerat perpaduan kerantauan di bidang pelajaran ialah dengan memberi penghormatan dan galakan kepada cerdik-cerdik pandai negara sendiri dan jiran.

Beliau menjelaskan, untuk matlamat tersebut, menerusi rancangan kuliah tahunan, pelajar yang dianggap banyak memberi sumbangan pengetahuan di negaranya, dipilih dan dihantar untuk memberi syarahan di negara anggota.

ASAIHL, tambah beliau, juga menggalakkan pertukaran guru dan pelajar di kalangan negara-negara anggota.

Prof. Ungku Aziz yang juga Naib-Canselor Uni-

versiti Malaya berkata, Rancangan Pertukaran Akademik ASAIHL menyediakan belanja untuk cerdik pandai, melawat dan mengajar di universiti-universiti negara anggota.

Beliau selanjutnya mencadangkan supaya negara-negara di rantau ini menerbitkan journal kerantauan dengan terjemahan ke bahasa-bahasa utama di rantau ini.

Lebih 70 peserta, termasuk cerdik pandai dan pengarang-pengarang dari jauh seperti Canada dan Australia menghadiri persidangan tiga hari itu.

ASAIHL dianggotai oleh 40 universiti dari Malaysia, Singapura, Negeri Thai, Indonesia, Filipina, Hong Kong dan Vietnam dan kini diketuai oleh UNESCO sebagai sebuah pertubuhan bukan-Kerajaan.